

MLC rayu keprihatinan sektor awam, swasta bantu pesakit strok

Oleh Henry Bating

MUTIARA Labuan Charity (MLC) merayu pelbagai pihak untuk menghulur sumbangan kepada Lau Shing Jie yang terlantar strok di kediaman mereka di Taman Perumahan Batu Arang, Labuan.

Pengerusi MLC Andy Yong berkata, pesakit berkenaan yang sebelum ini bekerja sebagai pemandu lori memerlukan bekalan berterusan susu khas Netrun Diabetis yang tidak mampu disediakan keluarga lantaran penyara utama hilang upaya.

"Pesakit hanya bergantung

kepada susu khas Netrun untuk meneruskan hayat namun harganya terlalu mahal untuk ditanggung isteri yang tidak dapat bekerja kerana menjaga suami yang terlantar," katanya.

Andy berkata demikian ketika bersama rakan-rakan menziarahi Lau untuk menyampaikan bantuan berupa keperluan dapur, wang tunai dan dua tin susu khas Netrun Diabetis.

Terdahulu Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli turut menghulurkan sumbangan keprihatinan untuk membantu meringankan beban keluarga tersebut.

Hadir sama Setiausaha

MLC Fieza Awang dan Ketua Jawatankuasa Kebajikan MLC Kristin Thien.

Andy berharap pelbagai pihak tampil menghulurkan bantuan khususnya dari kalangan sektor kerajaan dan swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan kalangan dermawan.

Sementara itu isteri Lau, Wong Ah Leng mengucapkan terima kasih kepada MLC dan juga Rozman kerana begitu prihatin untuk membantu meringankan beban mereka sekeluarga.

Menurut Wong, sebelum terlantar suaminya sering mengadu sakit kepala dan telah dibawa ke hospital

untuk mendapatkan rawatan beberapa hari sebelum diserang strok.

"Akibat serangan strok, dia (Lau) kemudian tidak sedarkan diri dan koma sejak empat bulan lalu," katanya.

Bagi meneruskan hidup, Wong terpaksa mengambil upah menjaga anak jiran yang dihantar ke rumah untuk masa-masa tertentu dengan bayaran RM20.

"Saya tidak boleh bekerja di luar rumah kerana terpaksa menjaga suami setiap masa," katanya.

SERAH: Andy menyampaikan sumbangan kepada Ah Leng.

